



POLISI

BAYARAN PEMUDAHCARA

MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

Polisi ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Badan Pentadbir

Bil. 1/2025, pada 10 Disember 2025

Polisi Bayaran Pemudahcara Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kemaskini : 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-01	Isu:00	Pindaan: 01	Muka surat : 3 of 5

1 PENDAHULUAN

Bayaran Pemudahcara adalah bayaran yang dibuat bagi mendapatkan atau mempercepatkan pelaksanaan sesuatu tindakan atau perkhidmatan yang selayaknya seperti contoh: di mana seorang pegawai kerajaan diberi wang atau barangan untuk melaksanakan (atau mempercepatkan pelaksanaan) tanggungjawabnya.

2 OBJEKTIF

- 2.1 Majlis Perbandaran Pengerang melarang bayaran pemudahcara yang melibatkan pembayaran atau faedah tidak rasmi dan tidak wajar, termasuk hadiah atau keraian.
- 2.2 Semua pekerja Majlis Perbandaran Pengerang tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai bayaran pemudahcara dalam apa jua bentuk.
- 2.3 Majlis Perbandaran Pengerang menyedari bahawa pembayaran pemudah cara adalah bentuk rasuah yang melibatkan mempercepat atau mempermudah urusan atau urus niaga dalam pelaksanaan tugas atau tindakan tertentu. Majlis Perbandaran Pengerang tidak membenarkan tawaran sogokan dibuat atau diterima.

3 TAKRIFAN

Bayaran Pemudah Cara merujuk kepada bayaran kecil yang diberikan secara tidak rasmi kepada pegawai atau pihak berkuasa sebagai dorongan untuk mempercepatkan sesuatu tindakan atau proses yang sepatutnya berlaku secara automatik tanpa pengaruh wang atau hadiah.

4 DASAR

- 4.1 Majlis Perbandaran Pengerang (MP Pengerang) mengamalkan sikap **sifar toleransi** terhadap bayaran pemudah cara dalam semua urusan pentadbiran, kelulusan, perolehan, dan penguatkuasaan.

Polisi Bayaran Pemudahcara Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kemaskini : 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-01	Isu:00	Pindaan: 01	Muka surat : 4 of 5

- 4.2 Tiada bayaran pemudah cara dalam bentuk tunai, hadiah, layanan istimewa, atau manfaat lain dibenarkan sama sekali.
- 4.3 Sekiranya terdapat sebarang permintaan atau tekanan untuk melakukan bayaran pemudah cara, ia hendaklah dilaporkan serta-merta kepada Unit Integriti MP Pengerang atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 4.4 Semua pihak diminta untuk bekerjasama dan melaporkan sebarang kes yang disyaki berkaitan bayaran pemudah cara.

5 TANGGUNGJAWAB

- 5.1 **Pegawai dan Kakitangan:** Memastikan kepatuhan kepada polisi ini, menolak sebarang tawaran atau permintaan bayaran pemudah cara dan melaporkan insiden.
- 5.2 **Pengurusan Atasan:** Memantau dan menguatkuasakan pelaksanaan polisi ini serta menyediakan saluran pelaporan yang selamat dan mudah diakses.
- 5.3 **Unit Integriti:** Menyiasat laporan dan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk bekerjasama dengan SPRM jika perlu.

6 PELAPORAN DAN PENGURUSAN RISIKO

- 6.1 Majlis Perbandaran Pengerang menyediakan saluran pelaporan dalaman dan luaran untuk membolehkan pelaporan tanpa nama atau terbuka mengenai sebarang permintaan atau pelaksanaan bayaran pemudah cara.
- 6.2 Perlindungan terhadap pemberi maklumat (whistleblower) dijamin mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
- 6.3 Laporan akan disiasat dengan teliti dan tindakan tegas akan diambil ke atas pihak yang terlibat.

Polisi Bayaran Pemudahcara Majlis Perbandaran Pengerang			Tarikh Kemaskini : 23/7/2025
Nombor Dokumen: MPP-Polisi-01	Isu:00	Pindaan: 01	Muka surat : 5 of 5

7 **PENUTUP**

Majlis Perbandaran Pengerang komited untuk mengekalkan integriti dalam semua urusan dan menolak sebarang bentuk bayaran pemudah cara demi memastikan kepercayaan awam dan kelestarian tadbir urus yang baik.